

UCAPAN PRESIDEN DALAM SESI SEMBANG PAGI SABTU 7 NOVEMBER 2020.

Assalamualaikum dan selamat pagi datuk-datuk datin-datin, Pn Sri, tuan-tuan dan puan-puan ahli MSIA yang saya kasihi sekalian. Selamat datang kepada semua. Selamat datang juga kepada mereka yang bukan ahli MSIA tetapi berminat dengan sembang pagi sabtu kita pada hari ini.

Untuk maklumat yang bukan ahli, Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia adalah satu pertubuhan pelbagai kepakaran yang mempromosikan pemakaian Penilaian Impak Sosial dalam semua bidang perancangan, pengurusan dan pembuatan keputusan. Kepada yang bukan ahli, anda boleh memperoleh lebih banyak maklumat tentang kita di website, msiamy.org.

Sesi sembang sabtu adalah siri perbincangan ilmu secara ringan tetapi padat di kalangan ahli pelbagai kepakaran MSIA ini, dirancang untuk memenuhi hari hujung minggu tuan-tuan khususnya kepada mereka yang kini terpaksa berada dirumah kerana kawalan pergerakan bagi menangani penyebaran wabak Covid19 di Negara ini.

Penilaian Impak Sosial bukanlah proses penilaian yang baharu diperkenalkan. Kita telah lama melibatkan diri dalam kajian penilaian impak sosial untuk kajian-kajian kemungkinan, kajian seumpama untuk tujuan penilaian alam sekitar, kajian untuk memenuhi keperluan pembiayaan dana pengurusan tapak seperti oleh Bank Dunia serta kajian SIA untuk pengurusan pertanian sawit seperti RSPO dan MSPO. Kita bersyukur bahawa proses pembuatan keputusan melalui SIA ini telah semakin diterima masyarakat termasuk oleh penggerak-penggerak projek dan pengurus-pengurus kawasan pembangunan.

Siri sembang pagi telah saya usulkan kepada Timbalan Presiden Dr G. Balamurugam merangkap Pengerusi Jawatankuasa Latihan MSIA. Saya menyatakan kepada beliau, di musim covid ini, marilah kita bersembang-sembang dengan ahli, dalam sesi-sesi online yang ringan namun boleh menambah ilmu kita di bidang perancangan impak sosial ini. Siri ini adalah juga untuk memenuhi janji kami mengadakan lebih banyak kursus perkongsian pengalaman yang telah terpaksa dibatalkan secara fizikal kerana kekangan wabak covid19.

Topik kita pada pagi ini ialah Penyertaan Awam ataupun public engagement. Topik ini kita pilih kerana kami mendapati ramai peserta kursus dan bengkel terdahulu menunjukkan minat yang sangat dalam kepada topik ini. Penyertaan awam adalah satu tugas yang mencabar kerana ianya adalah medium bersemuka dengan pihak berkepentingan. Jika salah cara kita menguruskan penyertaan awam, kita akan berdepan

risiko TUTUP PINTU oleh mereka. Mendapatkan maklumbalas pihak berkepentingan adalah proses SIA yang sangat penting. Kita tidak mahu gagal di langkah pertama ini. Topic ini juga sesuai dengan keperluan kita untuk meneruskan tugas2 mengelolakan penyertaan awam walaupun di dalam keadaan yang sangat terhad oleh kawalan pergerakan.

Hari ini kita akan bersama 3 orang exco MSIA dan seorang ahli MSIA untuk berkongsi pengalaman mereka di dalam menjayakan siri penyertaan awam serta cabaran-cabaran yang mereka hadapi. Selepas sesi perkongsian pengalaman ini, bolehlah jika ada masa untuk kita mendengar pula input dari tuan-tuan semua. MSIA juga berharap siri sembang pagi akan dapat kita teruskan pada masa-masa akan datang.

Keadaan penyebaran wabak covid 19 di Negara ini juga telah menyebabkan kita semua gundah gulana. Selain kebimbangan keselamatan diri dan keluarga, kita juga bimbang ekonomi Negara akan terjejas. Saya berdoa agar wabak ini segera berakhir dan keadaan persekitaran ekonomi kita masih kekal bertahan dan kita akan dapat meneruskan kelangsungan hidup kita, keluarga kita dan mereka yang sama menumpang mencari rezeki di bawah kita.

Percayalah rezeki adalah ketentuan Tuhan. Percayalah pada janjiNya, lebih banyak anda berkongsi, lebih luas jalan memperoleh rezeki akan dibuka olehNya. Yang paling penting ialah menjaga kualiti tugas anda. Ikhhlaskan diri dalam memberi khidmat bakti. Terbaik yang anda beri, terbaik juga akan kembali kepada anda.

Akhir kata, saya ucapkan Selamat bersembang pagi sabtu. Sila bawa kopi dan biskut anda sendiri. Semoga sesi ini dapat memberi manfaat kepada kita semua. Assalamualaikum wbt.

TPr Herlina Ab. Aziz

Presiden MSIA